

Ekonomi: Rupanya tak semua gembira

BH- 25/2/2007

Segelintir mereka jadi pengkritik kerana kecewa tidak dapat projek



KATA sesetengah mereka, pertumbuhan dan kedudukan ekonomi Malaysia yang semakin baik ketika ini adalah sesuatu yang palsu, ciptaan atau direka-reka. Mungkin sekadar menanti waktu untuk mereka mengatakannya sebagai pembongkaran.

Mereka berkata lagi kononnya apa yang diuar-uarkan mengenai lonjakan ekonomi, sekali gus memperhebatkan cadangan pilihan raya umum diadakan lebih awal, hanyalah satu gimik untuk memulihkan imej Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri, kepada golongan ini, dikatakan lemah dalam mengurus hal ehwal ekonomi negara. Barisan pakar ekonomi yang tampil memberi pandangan positif pula dicemuh sebagai mengampu.

Alasan yang kerap diutarakan ialah rakyat tidak berasa sebarang kesan pemuliharaan ekonomi yang dicanangkan. Kos sara hidup rakyat dikatakan semakin meningkat sambil harga barang keperluan didakwa turut naik.

Lebih mudah lagi, ada yang mengandaikan ekonomi negara tidak akan diyakini sebagai sudah bertambah baik selagi harga minyak tidak diturunkan. Harus satu-satunya petunjuk ekonomi meningkat, kepada golongan ini ialah apabila segala-galanya turun.

"Kita mengeluarkan pelbagai statistik (berkaitan peningkatan ekonomi) kepada sesiapa saja yang ingin memahaminya," kata Abdullah. "Bagi mereka yang tak mau faham, apa pun perangkaan yang kita beri tidak akan diterima."

Kata-kata itu terhambur daripada Perdana Menteri kepada media Malaysia pada sidang akhbar bersama media di kamarnya di Shangri-la Jakarta sebelum berlepas pulang daripada lawatan dua hari ke sana, Khamis lalu.

Tidak mudah untuk Abdullah naik angin apabila diajukan pandangan sedemikian yang berlawanan dengan apa yang dihebahkannya. Perdana Menteri bagaikan akur dan amat sedar segelintir yang lantang itu tidak pun mewakili suara ramai.

"Awak ingat depa ni hendak terima apa yang kita kata? Katalah apa pun, depa akan pertikai apa saja."

"Bila kita kata kut ni, depa kata kenapa tak dedah statistik lain. Nanti bila kita keluarkan statistik yang depa minta, nanti depa kata kut lain pulak. Bezanya, kita tak macam depa... bagi salah, tak bagi pun salah."

Di sebalik pelbagai cercaan terhadap Perdana Menteri, masih ramai yang mengekorinya ke mana saja - barangkali dengan kepercayaan Abdullah bukan saja akan memanfaatkan keadaan ekonomi sekarang untuk memanggil penyertaan dalam banyak projek, malah mudah meluluskannya jika ada kesempatan untuk bertentang mata.

Jakarta yang dikunjunginya pada Rabu dan Khamis lalu tidak berbeza. Meskipun ia bukan berkisar kepada misi perdagangan yang memerlukan penyertaan ahli perniagaan, sebilangan mereka mengundang diri sendiri untuk turut serta.

Sejurus sebelum sidang akhbar pada petang Khamis lalu itu bermula, Perdana Menteri kedengaran agak meninggikan

suara apabila dimaklumkan oleh pegawainya ada sekumpulan ahli perniagaan dari Malaysia yang sejak sehari sebelum itu ingin menemuinya.

Sebilangan mereka berhimpun di lobi hotel sambil menantikan kesempatan untuk bersalaman sebagai mengingatkan Abdullah bahawa mereka 'setia' bersamanya, sambil mengharapkan agar ditanya apa yang mereka hajati.

Segelintir yang lebih berani akan mendesak pegawai Perdana Menteri agar disampaikan hasrat untuk diluahkan masanya agar mereka dapat ditemui. Barangkali kepada mereka, temu janji di Putrajaya lebih sukar diperolehi.

"Ni tak ada lain, bawa surat nak suruh saya tenyeh," kata Abdullah sejurus mengambil tempat duduk untuk memulakan taklimatnya kepada media mengenai hubungan Malaysia-Indonesia, terutama keakrabannya dengan Presiden Susilo Bambang Yudhoyono yang dianggapnya pada tahap terbaik ketika ini.

"Tak habis-habis nak suruh saya tenyeh. You orang tau sampai saya ke London pun ada mereka ni ikut nak suruh saya tenyeh (surat sokongan permohonan projek). Ketika saya bercuti bersama keluarga (di luar negara) pun depa ni mai jugak," katanya.

Ditanya sama ada beliau pernah 'mem-

beri muka' kepada golongan penghambat ini hingga mendorong lebih ramai yang lain mencuba-cuba nasib melakukan perkara sama, Perdana Menteri menjawab: "Saya tak pernah layan mereka."

Harus tidak mustahil jika ada di kalangan pengkritik Abdullah - sama ada dasar diperkenalkannya, caranya menadbir negara atau pendekatannya mengurus hal-ehwal ekonomi - tergolong juga antara mereka yang kecewa dalam mengharapkan projek daripadanya.

Mungkin tidak buat pengetahuan umum kecuali sebilangan kecil yang rapat dengan Perdana Menteri, bukanlah rahsia ada yang menggunakan perantaraan untuk mengharapkan sesuatu daripada Abdullah, tetapi kini bertukar menjadi pengkritiknya yang paling ter-tonjol.

Setakat ini juga, reaksi yang diterima terhadap angka tunjuk ekonomi negara bukan sama sekali berlawanan. Malah, dilaporkan bahawa pakar ekonomi berpendapat semua angka tunjuk ekonomi sekarang menjurus kepada satu kesimpulan bahawa rakyat sememangnya patut berasa selesa dan hidup lebih sejahtera dan bahagia.

Kemantapan ekonomi, kata mereka, akan diterjemahkan kepada peningkatan

kesejahteraan sosial rakyat. Kalau pun tidak secara mendadak, ekonomi yang baik akan membolehkan masyarakat mendapat pekerjaan dan mempunyai wang bagi membiayai keperluan asas hidup.

Pengerusi Pusat Kajian Dasar Awam Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli), Tan Sri Ramon Navaratnam dan Penasihat Majlis Pelaksanaan Kebangsaan, Datuk Dr Zainal Aznam Yusof - dua tokoh yang dihormati dalam bidang ekonomi - adalah antara yang mengutarakan pandangan sedemikian.

Cuma apa yang memberikan perbezaan ketika ini ialah segala pendedahan mengenai statistik peningkatan ekonomi semacam menimbulkan rasa tidak sabar di kalangan rakyat untuk mengecap nikmatnya serta-merta.

Abdullah turut sedia dengan penjelasannya.

"Banyak sangat cakap-cakap yang mengatakan banyak program kita tidak laksana, pelaksanaan kita lembap, tak apalah depa nak komen. Siapa nak komen... saya tak apa-apa," kata Abdullah pada sidang media selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, malam Khamis lalu.

"Kita akan pastikan pelaksanaan kita itu yang baik, tersusun dan teratur, yang insya-Allah akan membuahkan hasil. Jadi, dengan itu lama-kelamaan keraguan rakyat akan hilang."


"Yang pentingnya, lama-kelamaan projek RMK-9 akan bertambah banyak lagi dan tentu sekali akan memberi nikmat kepada rakyat, di samping dapat menyumbang ke arah kemajuan negara," katanya.

Harus ia menuntut penjelasan demi penjelasan lagi daripada Perdana Menteri selepas ini - sesuatu yang diakuinya tidak akan jemu-jemu dilakukan agar rakyat tidak mudah terpesong oleh suara-suara sumbang yang memperlecehkan ikhtiar kerajaan.

Sama ada peningkatan indeks bursa saham serta petunjuk lain kebangkitan ekonomi negara akan menjurus kepada pilihan raya umum lebih awal diadakan, hanya masa dan keadaan akan menentukan.

Sambil Perdana Menteri tidak bermintal berbicara soal itu pada masa ini, apa yang lebih terserlah daripadanya akhir-akhir ini ialah Abdullah akan terus menambah kekecewaan segelintir yang tidak pun mahu melihat ekonomi negara berkembang.

“Kita akan pastikan pelaksanaan kita itu yang baik, tersusun dan teratur, yang insya-Allah akan membuahkan hasil. Jadi, dengan itu lama kelamaan keraguan rakyat akan hilang”



UNTUK RAKYAT: Abdullah dan timbalannya, Datuk Seri Najib Razak sebelum mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno baru-baru ini.

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri